

BENTUK KERTAS SOALAN

Bahasa Tamil Kertas 2 mengandungi empat soalan. Masa yang diperuntukkan ialah satu jam tiga puluh minit. Soalan 1 dan 2 wajib dijawab oleh calon. Soalan 3 dan 4 merupakan soalan pilihan. Calon dikehendaki memilih soalan sama ada soalan 3 atau 4.

Soalan 1 ialah memahami teks.

Soalan 2 ialah meringkaskan karangan.

Soalan 3 dan 4 mempunyai tiga ceraiian iaitu puisi, tatabahasa dan 'ceyyul'.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon meningkat sedikit berbanding tahun lalu. Pada tahun ini bilangan calon memperoleh markah maksimum bertambah sedikit. Calon cemerlang dapat menjawab semua soalan dengan tepat dan betul. Ramai calon tidak dapat menulis jawapan yang tepat dan betul bagi soalan pemahaman yang memerlukan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Selain itu, ramai calon masih kurang menguasai kemahiran dalam menjawab soalan puisi dan ceyyul.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Mutu jawapan calon adalah baik. Calon memahami kehendak soalan. Justeru itu, calon dapat menjawab soalan dengan tepat dan betul.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Majoriti calon dapat menjawab soalan dengan betul tetapi hasilnya kurang tepat dari segi tata bahasa.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Calon kurang menguasai bahasa. Oleh itu kurang memahami kehendak soalan dan kurang mahir dalam teknik menjawab soalan.

PRESTASI TERPERINCI**Soalan 1 Pemahaman**

1(அ)

Semua calon menjawab soalan ini dengan baik mengikut kehendak peraturan pemarkahan kecuali calon dari kumpulan rendah tidak memberi jawapan yang memuaskan. Ada yang menyalin balik ayat dari petikan karangan dan juga terdapat kesalahan ejaan dan nahu.

1(ஆ)

Ramai calon dapat menjawab dengan baik tetapi prestasi calon kumpulan rendah tidak memuaskan. Kelemahan ketara beberapa calon yang lemah ialah memberi jawapan yang tidak berkaitan dengan soalan.

1(இ)

Sekumpulan kecil calon sahaja dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai memberi jawapan yang tidak relevan.

Contohnya: திரு. சகாதேவனுக்கு உடன்பாடில்லை. ஏனெனில், அவருக்குச் சீனப் பள்ளியைப் பிடிக்காது.

1(ஈ)

Ramai calon menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Kumpulan calon sederhana dan rendah tidak menjawab dengan betul kerana calon salah tafsir perkataan 'talaikka' (தழைக்க). Calon menganggap perkataan itu sebagai kesan keburukan. Jawapan demikian telah menjejaskan perolehan markah.

Contohnya: தமிழ்ப்பள்ளியைத் தவிர மற்றப் பள்ளிகளுக்குப் பிள்ளைகளை அனுப்பக்கூடாது.

1(உ.)

Soalan Perbendaharaan kata

Keseluruhan calon memberi maksud yang kurang memuaskan.

Contohnya: 1) திருவாய் மலர்ந்தாள். - சொன்னாள்
2) உடலெல்லாம் எரியும். - உடல் வேதனைப்படும்

Soalan 2 - Ringkasan

Calon dapat menjawab soalan dengan baik. Gaya bahasa yang digunakan adalah baik. Jawapan kumpulan calon sederhana dan rendah memuaskan. Kebanyakan calon meyalinbalik sebahagian daripada teks ringkasan. Calon gagal megesan isi penting. Walaupun terdapat 12 isi penting, ramai calon dapat menyampaikan kurang daripada 10 isi. Ini menjejaskan pemerolehan markah yang tinggi.

Soalan 3 – Pemahaman Sajak, Ayat dan Puisi Lama

3(அ)

Kumpulan calon pencapaian tinggi dapat menjawab soalan pemahaman sajak, soalan tatabahasa dan puisi lama dengan baik. Tetapi kumpulan calon lain tidak memahami maksud sajak dan puisi lama. Justeru itu calon tidak dapat menjawab soalan dengan betul.

Contohnya:

Beri maksud: ஏடுகளே உங்களுக்கு மரணமுண்டா?

Jawapan yang sepatutnya: எல்லாக் காலத்திலும் நிலைத்து நின்று வாசுகளோடு உறவாடிக் கொண்டிருக்கும்.
நூலாசிரியர்கள் மறைந்தாலும் அவர்களுடைய நூல்கள் அவர்களைப் பற்றிப் பேசிக்கொண்டிருக்கும்.

Tetapi jawapan kebanyakan calon adalah salah seperti:

புத்தகங்களுக்கு மரணமில்லை. ஏனெனில், அவற்றைப் பத்திரமாகப் பாதுகாத்து வைக்க வேண்டும்.

3(ஆ)

Hanya segelintir calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai calon tidak memahami tata bahasa oleh itu calon memilih perkataan yang tidak berkaitan dengan soalan.

Contohnya: வாங்கிய தோடு
பெரிய மரம்

3(இ)

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Kumpulan calon rendah tidak memahami maksud cheyyul. Oleh itu calon memberi maksud yang kurang tepat.

Soalan 4 - Memprosakan sajak, ayat dan puisi lama

Ramai calon memilih soalan ini. Ramai calon dapat memberi jawapan yang betul dan menepati kehendak peraturan pemarkahan.

4(அ)

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Kumpulan calon rendah tidak memahami maksud sajak. Oleh itu calon menyalin balik sajak tanpa memprosakan sajak.

4(ஆ)

Ramai calon dapat menjawab dengan betul dan tepat.

4(இ)

Kebanyakan calon dapat memberi jawapan yang baik dan menepati kehendak peraturan pemarkahan. Sebaliknya sekumpulan calon tidak dapat menjawab soalan ini.

SARANAN KEPADA CALON

1. Fahami kehendak soalan.
2. Teliti dalam struktur ayat dan tatabahasa.
3. Semak semula jawapan supaya memenuhi kehendak soalan.
4. Calon harus mempunyai budaya membaca luas berkaitan dengan bahasa Tamil.
5. Banyakkan latihan berkaitan dengan format peperiksaan.
6. Perlu memahami kehendak soalan. Jangan salin bulat-bulat daripada petikan.
7. Melibatkan diri dalam penulisan kemahiran berfikir secara kreatif.
8. Memahami bentuk dan erti sajak.

SARANAN KEPADA GURU

1. Tekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pemahaman tentang bahan berbentuk 'Genre' Sastera Tamil seperti novel, cerpen, sajak dan drama.
2. Memperbanyakkan latihan tulisan tata bahasa dan komponen sastera Bahasa Tamil.
3. Menggalakkan calon membaca bahan penulis terkenal dan artikel dalam majalah dan surat khabar.
4. Beri tumpuan khas kepada calon yang lemah.
5. Guru juga perlu tahu menggunakan komputer dan LCD bagi membantu dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
6. Memperbanyakkan lagi latihan kefahaman dan memprosakan sajak dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
7. Perlu menganjurkan banyak aktiviti ko-kurikulum seperti pertandingan menulis karangan, menulis sajak dan yang dapat membantu calon secara langsung dan tidak langsung.
8. Panitia Bahasa Tamil harus bergabung dengan Persatuan Bahasa Tamil untuk menganjurkan aktiviti kurikulum.
9. Rancangan Huraian Sukatan dan aktiviti sepanjang tahun akan membantu calon maju dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.